

Kenali dan fahami ubat-ubatan

BEBERAPA hari lalu isu ubat sirap Paracetamol jenama Redon yang dikeluarkan oleh syarikat Royce Pharma Sdn. Bhd. yang kebiasaannya diberikan kepada kanak-kanak untuk merawat demam dan sakit menimbulkan polemik dalam masyarakat kerana mengandungi alkohol.

Perkara itu pada awalnya menjadi perbincangan hangat dalam media sosial apabila tersebar menerusi laman sosial Facebook mahupun aplikasi WhatsApp. Ramai yang ingin menjadi 'doktor' mahupun 'ahli farmasi' apabila pelbagai komen diberikan sedangkan Kementerian Kesihatan pada masa itu belum pun membuat pengumuman rasmi mengenainya.

Begitupun, pujian harus diberikan kepada pihak yang pertama mendahului perkara itu. Maklumat itu membantu Kementerian Kesihatan bertindak cepat dengan mengambil langkah segera mengarahkan syarikat Royce Pharma menarik balik kesemua ubat tersebut daripada pasaran dan semua fasiliti kementerian selepas disahkan mengandungi alkohol dan tidak mematuhi syarat pelabelan ditetapkan.

Tindakan pihak yang menyebarkan dalam media sosial mengenai isi kandungan ubat tersebut dipuji oleh Presiden Kelab Doktor Malaysia (MDC), Dr. Muhammad Hakim Nordin kerana ia membuka mata banyak pihak berhubung isu penggunaan alkohol dalam ubat-ubatan.

Menurutnya, dalam isu tersebut, apa yang berlaku adalah kegagalan pihak syarikat berkaitan untuk mematuhi syarat dengan meletakkan kandungan alkohol pada label ubat seperti yang ditetapkan sewaktu proses pendaftaran ubat tersebut.

Beliau berkata, kandungan alkohol yang mengandungi ethanol sebanyak enam peratus dalam ubat tersebut adalah benar dan sah.

Jelasnya, syarat yang ditetapkan oleh pihak kementerian iaitu spesifikasi ubat paracetamol 120 miligram (mg) atau 5 mililiter (ml) yang dibekalkan tidak boleh mengandungi alkohol, sehinggakan itu, pihak kementerian telah mengambil



**MUZDALIFAH
MUSTAPHA**

tindakan yang wajar untuk menarik semula produk berkenaan daripada pasaran demi kepentingan rakyat.

Bahkan, katanya, kementerian melalui kenyataan rasmi pada 13 Oktober lalu turut menyatakan secara jelas yang ubat terbabit telah pun berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) dan ternyata ubat itu menepati keperluan kualiti, keselamatan dan keberkesanan.

"Isu menarik balik produk atau ubat-ubatan daripada pasaran bukanlah perkara baharu serta bukan sahaja terjadi kepada syarikat tempatan malah turut berlaku di luar negara terutama apabila spesifikasi atau piawaian tidak dipatuhi seperti mana yang ditetapkan semasa proses perolehan ubat," katanya.

Menurutnya, dalam isu sirap Paracetamol ini masih ramai yang tidak memahami isu penggunaan alkohol dalam ubat-ubatan.

Dari segi syariah, telah pun dibincangkan isu kandungan alkohol (bukan arak) dalam sediaan ubat oleh pakar-pakar dari institut penyelidikan produk halal, Universiti Putra Malaysia (UPM). Perbincangan adalah berlandaskan keputusan muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan pada 2011.

Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam pada 14 hingga 16 Julai 2011 lalu memutuskan makanan, pewangi dan ubat-ubatan yang mengandungi alkohol (bukan alkohol daripada proses pembuatan arak) sebagai agen pelarut adalah bukan najis dan halal serta harus untuk dimakan.

Menurut Muhammad Hakim, alkohol yang dinyatakan dalam ubat tersebut bukan arak, sebaliknya ia adalah elemen yang lazim dalam bidang kimia dan digunakan secara meluas khususnya sebagai agen pelarut dalam pelbagai produk kosmetik seperti pewangi, produk-



MUHAMMAD HAKIM NORDIN



Sebaik-baiknya untuk mengelak mengambil sebarang produk yang mengandungi alkohol, rujuklah terus kepada garis panduan yang telah digariskan oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

produk mencuci serta banyak produk-produk makanan dan minuman di dalam pasaran.

"Sebaik-baiknya untuk mengelak mengambil sebarang produk yang mengandungi alkohol, rujuklah terus kepada garis panduan yang telah digariskan oleh pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim)," katanya.

Oleh itu, seharusnya kempen kewajipan ubat harus diperluaskan lagi dari semasa ke semasa oleh pihak berwajib dalam usaha mempertingkatkan tahap kesedaran rakyat mengenai isu berkaitan kesihatan.

Apa pun, yang menjadi kebimbangan ialah sejak isu ubat tersebut tersebar luas di dalam laman sosial, jelas masih ramai dalam kalangan masyarakat tidak mema-

hami bagaimana harus memastikan sesuatu ubat itu berdaftar dan telah mendapat kelulusan dan mematuhi syarat pelabelan Kementerian Kesihatan.

Dalam hubungan ini, ternyata tahap kepekaan dan pemahaman masyarakat khususnya pengguna terhadap konteks mengenali ubat-ubatan masih rendah. Ramai yang tidak tahu tentang perkara ini. Tahap pengetahuan yang masih rendah tentang ubat-ubatan ini sebenarnya membimbangkan terutama apabila sudah menjadi trend kini orang ramai menjual ubat-ubatan dan kosmetik menerusi laman sosial.

Orang ramai harus berwaspada dengan penjualan ubat tidak berdaftar dan tidak mendapat kelulusan Kementerian Kesihatan terutamanya di Facebook dan Instagram. Ini berbahaya kerana kandungan ubat atau kosmetik itu boleh diragui, malah, kesannya terhadap individu yang mengambilnya juga belum terbuktikan secara klinikal.

Kaedah perniagaan dalam talian atau online kini menjadi medium kumpulan peniaga yang ingin meraih keuntungan mudah malah mereka juga berani untuk menjual ubat yang secara terang-terangan tidak berdaftar seperti ubat perangsang seks, penenang saraf dan kosmetik.

Kebanyakan peniaga menjual ubat-ubat dan kosmetik secara online adalah kerana peratusan untuk dikesan anggota penguat kuasa adalah rendah selain mereka juga berasa 'selamat' kerana hanya beroperasi dari rumah.

Tidak dinafikan bermula secara online keuntungannya berlipat kali ganda. Peniaga akan memamerkan gambar individu yang 'kononnya' telah membeli dan menggunakan produk mereka, apakah lagi gambar model yang digunakan itu kelihatan sangat cantik. Begitupun kebenaran terhadap apa yang diiklankan itu masih boleh diragui.

Apa pun, dalam hal ini, masyarakat mestilah meningkatkan tahap kesedaran dan pengetahuan mengenai ubat-ubatan bagi mengelakkannya mudah tertipu.